

BIDIKAN EMAS

NUR Aqilah memenangi pingat emas dalam acara recurve individu wanita.




■ Nur Aqilah bukti kehebatan selepas atasi Ang Ming dari UPM

Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

Bangi

Nur Aqilah Yusof membuktikan ketajamannya dalam acara recurve individu wanita pusingan kelayakan biarpun tampil buat kali pertama pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) mewakili Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pengalaman jelas memihak Aqilah apabila melakukan 581 panahan sekali gus memenangi pingat emas, menewaskan pemanah dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Ang Ming Shan sementara Shaerra Ezzaty Sa-



ffuan dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) meraih gangsa.

"Ini kali pertama saya menyertai SUKIPT dan saya agak berdebar kerana me-

nerima saingan hebat pemanah universiti lain. Angin agak kuat hari ini tapi Alhamdulillah saya dapat membiasakan diri dengannya.

"Selepas ini saya akan terus berusaha dapat mewakili negara kerana menjadi impian saya selama ini. SUKIPT juga menjadi salah satu medan pemilihan atlet untuk ke Sukan Universiti ASEAN (AUG)," kata Aqilah semalam.

Dalam perkembangan lain, olahragawati Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2016 itu berkata, prestasinya ketika ini sedikit menurun kerana sibuk dengan persiapan pembelajaran serta aktiviti sukan.

Bagaimanapun atlet yang

pernah terpalit isu penggunaan bahan terlarang sibutramine dua tahun lalu itu berazam sekali lagi meraih status olahragawati SUKMA di Perak pada September ini selain mencuba meraih gelaran sama di SUKIPT kali ini.

Sementara itu, Mohd Alif Adha Hassan (*gambar*) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi emas acara recurve individu lelaki dengan catatan 614 mata, perak milik Mohamad Amir Imran Abdul Manaf dari Kolej Komuniti Malaysia (612) manakala gangsa milik Nazir Omar dari UPM (606).

Sukan memanah menawarkan 14 pingat emas secara keseluruhan pada temasya SUKIPT kali ini.